



PARLIMEN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PROGRAM *TOWNHALL* PARLIMEN BELIA MALAYSIA: SUARA BELIA, SUARA DEMOKRASI

BANGI, 6 NOVEMBER - Sekretariat Parlimen Belia Malaysia dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menjemput seramai 230 orang pemimpin-pemimpin mahasiswa dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta seluruh negara ke Program *Townhall* Parlimen Belia Malaysia. Bertemakan “Suara Belia, Suara Demokrasi”, program ini telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Dato’ Dr. Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Dalam ucapan perasmian, YB Tan Sri Dato’ Dr. Johari bin Abdul telah menyatakan “Parlimen Belia Malaysia berperanan penting sebagai ruang latihan demokrasi dan kepimpinan untuk generasi muda. Ia bukan sekadar platform simulasi, tetapi peluang sebenar bagi anak muda memahami proses Parlimen, menyuarakan pandangan, dan membina keupayaan untuk turut serta dalam pembentukan dasar negara”.

Program yang berlangsung pada 5 dan 6 November 2025 merupakan titik permulaan bagi Sekretariat Parlimen Belia Malaysia untuk mendapatkan idea serta pandangan daripada para belia untuk memperkukuhkan peranan Parlimen Belia Malaysia (PBMy). PBMy perlu menjadi platform utama dalam pendidikan demokrasi yang melatih para belia untuk berfikir secara kritikal, berhujah secara matang dan bertindak dengan tanggungjawab.

Peserta yang hadir telah diberikan taklimat berkenaan peranan dan hala tuju Parlimen Belia Malaysia 2026 oleh YBhg. Dato’ Dr. Husaini bin Abdul Rahman, Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia. Mereka juga telah berbengkel dan berbincang berkaitan penubuhan

dan struktur parti belia Malaysia dan seterusnya melaksanakan sesi simulasi. Hasil daripada bengkel tersebut sebanyak empat (4) parti telah ditubuhkan iaitu;

- (1) Parti Generasi Progresif (PGP)
- (2) Parti Gabungan Suara Belia (GSB)
- (3) Parti Generasi
- (4) Parti Belia Sejahtera Malaysia (PRISMA)

Parti yang ditubuhkan ini akan memberikan pendedahan awal kepada para belia bagi merasai pengalaman membentuk dasar dan pentadbiran negara serta mengenal lebih mendalam mengenai fungsi perundangan negara melalui institusi Parlimen. Pelaksanaan ini membuktikan bahawa suara belia tidak lagi bersifat simbolik akan tetapi kini mempunyai saluran rasmi ke peringkat nasional.

Program dua (2) hari ini, diakhiri dengan ucapan penutup oleh YBhg. Dato' Dr. Husaini bin Abdul Rahman, Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia dan dalam ucapan penutup, beliau menekankan bahawa pemerkasaan wanita dan golongan minoriti juga perlu diberi tumpuan menerusi perjuangan parti belia mereka. Jerayawara dan sesi *townhall* ini juga akan dilaksanakan mengikut zon-zon terpilih di Malaysia yang akan diumumkan kelak.

Pautan gambar: <https://storage2.parlimen.gov.my/sharing/mqZa9hL5I>

6 NOVEMBER 2025

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

PARLIMEN MALAYSIA